



# **SIARAN MEDIA / MEDIA RELEASE**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA**

---

Semalam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah memuatnaik senarai cadangan barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan (SST) yang meliputi pelbagai jenis barang. Senarai ini masih dalam peringkat cadangan untuk menerima maklum balas daripada orang awam samada perlu untuk memasukkan atau menggugurkan mana-mana item daripada senarai barangan yang tersenarai untuk dikecualikan daripada SST. Di antara barang-barang yang tersenarai untuk pengecualian adalah '*big-ticket items*' seperti kapal terbang, kapal mewah, feri penumpang, helikopter, kapal angkasa dan peralatan luncur salji.

Sungguhpun senarai yang dikeluarkan oleh JKDM hanyalah cadangan, namun Kementerian Kewangan berpandangan adalah perlu bahawa barangan mahal yang juga mewah yakni '*big-ticket items*' haruslah dikenakan cukai SST.

Sebagai Kerajaan Persekutuan yang berkomited untuk bercakap benar berdasarkan fakta dan angka, saya bersedia menyatakan bahawa GST mungkin lebih telus dan efisien berbanding SST. Ini adalah kerana GST berjaya dikenakan ke atas lebih ramai pembayar cukai, termasuk orang biasa sehingga GST berjaya mengutip cukai sebanyak RM44 bilion berbanding dengan RM21 bilion yang dikutip oleh SST.

Maka lebih RM23 bilion daripada GST ini membebaskan rakyat sehingga kos sara hidup mereka terjejas. GST lebih efisien dan telus apabila ia dikenakan ke atas 60% daripada Bakul Barangan CPI berbanding dengan hanya 38% daripada Bakul Barangan CPI oleh SST. Dengan penggantian GST kepada SST, maka RM23 bilion yang dikutip daripada GST akan dikembalikan kepada rakyat.

Sayangi Malaysiaku!

**Lim Guan Eng**  
**Menteri Kewangan**  
**Kementerian Kewangan Malaysia**  
**Putrajaya**  
**20 Julai 2018**